


Ramai orang mengagumi Syeikh Ahmad Yasin. Tetapi tidak ramai yang mahu menjadi seperti beliau. Ini kerana ramai yang menyangka, ketokohan Syeikh Ahmad Yasin amat sukar untuk diikuti.

DUA SIFATNYA YANG HEBAT



Sedangkan jika kita perhatikan sebenarnya Syeikh Ahmad Yasin hanyalah ustaz biasa. Tetapi memiliki dua sifat yang hebat. Pertama sikapnya yang Istiqamah dan kedua keberaniannya yang tidak mudah menyerah kalah. Dua senjata ini sudah memadai untuk menakutkan Israel.

SYEIKH AHMAD YASIN

Sedangkan jika kita perhatikan sebenarnya Syeikh Ahmad Yasin hanyalah ustaz biasa. Tetapi memiliki dua sifat yang hebat. Pertama sikapnya yang Istiqamah dan kedua keberaniannya yang tidak mudah menyerah kalah. Dua senjata ini sudah memadai untuk menakutkan Israel.

MINAT BELIAU

Beliau menyambung pengajiannya di al Azhar Mesir, namun tidak berjaya menamatkan pengajian keranamasalah kesihatannya. Walaupun begitu beliau menyambung pelajarannya di rumah. Minatnya tertumpu kepada agama, politik, sosiologi dan ekonomi.




MULA DIKENALI

Susuknya mula dikenali ketika sering memberi khutbah jumaat di sekitar Gaza. Beliau menjadi guru bahasa Arab di sebuah Pra sekolah di Gaza.

Setelah ekonominya agak stabil beliau berkahwin dengan Halimah Yasin pada tahun 1960 ketika berusia 22 tahun dan dikurniakan 11 orang anak.

MASUK PENJARA

Pada tahun 1973 beliau menubuhkan NGO kebajikan yang bernama Mujamma' al-Islamiah yang dinaungi Ikhwanul Muslimin. Namun pada tahun 1984 beliau dipenjara kerana melakukan aktiviti mengumpulkan senjata secara rahsia. Kemudian beliau dibebaskan dari penjara pada tahun 1985.



MENUBUH SAYAP TENTERA (HAMAS)

Semasa berlaku Intifadah yang pertama pada tahun 1987, Syeikh Ahmad Yasin bersama Abdul Aziz Rantisi menubuhkan sayap tentera di bawah cabang Ikhwanul Muslimin yang dikenali sebagai al Harakah al-Muqawwamah al-Islamiah (HAMAS). Beliau dilantik sebagai Mursyidul Am.

PENJARA SEUMUR HIDUP

Pada tahun 1989 beliau ditahan lagi dan dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup oleh Israel. Pada tahun 1997 beliau dibebaskan melalui Perjanjian dengan Jordan ekoran tertangkapnya agen Mossad kerana gagal dalam usaha membunuh Khalid Masy'al di Jordan. Syeikh Ahmad Yasin ditukar dengan dua agen Mossad yang ditawan oleh Jordan.

CUBAAN MEMBUNUH BELIAU

Pada 6 September 2003 Jet F16 Israel membedil bangunan di Gaza dengan menyasarkan Syeikh Ahmad Yasin.


Beliau cedera tetapi masih hidup. Selepas dirawat beliau mengeluarkan kenyataan bahawa Hamas akan terus dengan operasinya walaupun setiap pemimpinnya dibunuh, kerana mati syahid memang menjadi harapan setiap anggota Hamas.



Beliau cedera tetapi masih hidup. Selepas dirawat beliau mengeluarkan kenyataan bahawa Hamas akan terus dengan operasinya walaupun setiap pemimpinnya dibunuh, kerana mati syahid memang menjadi harapan setiap anggota Hamas.

CUBA BERUNDING DENGAN PIHAK ISRAEL

Ada ketikanya beliau juga menawarkan rundingan dengan pihak Israel. Pada 1999 beliau menyebut dalam sebuah temu bual dengan media Arab dengan ucapan: " Ayuh selesaikan pertelingkahan ini mengikut persepahaman 1967. Ayuh persetujui genjatan senjata. Biar generasi akan



BELIAU SYAHID

Pada 22 Mac 2004 pada usia 67 tahun bila telah syahid dalam serangan udara oleh helikopter Aparchy ketika pulang dari solat subuh dari masjid yang jaraknya hanyalah 100 meter dari rumahnya.


PENGAJARAN



perjuangan Islam tidak akan mati



kita perlu berani berani seperti Syeikh Ahmad Yasin



Islam perlukan contoh sebegini untuk diikuti.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا أَنْصَارَ اللَّهِ

“Wahai orang beriman jadilah kamu pembantu agama Allah.”

(Al-Saff : 14)